

# Wujudkan Kursi 1Malaysia di UMS untuk kukuhkan Gagasan 1Malaysia

UB 09-12-2012 B3

**W**AKL Umno Sabah hari ini menyarankan agar Kementerian Pengajian Tinggi mewujudkan Kursi 1Malaysia di Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai usaha memperkukuhkan lagi Gagasan 1Malaysia.

Naib Ketua Umno Bahagian Kimanis Datuk Mohd Arifin Mohd Arif turut mencadangkan kementerian itu mewujudkan sebuah pusat penyelidikan dan perbandingan antara agama serta budaya rakyat pelbagai kaum di Sabah.


Pengwujudan Kursi 1Malaysia dan pusat penyelidikan itu dapat menjadi wadah ke arah memperkasa perpaduan rakyat pelbagai kaum dan agama yang berpayung di bawah Gagasan 1Malaysia, kata Mohd Arifin yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri Membakut.

“Jika ingin melihat contoh terbaik 1Malaysia maka lihatlah nilai kehidupan masyarakat pelbagai kaum dan etnik di Sabah.

“Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak juga mengatakan Sabah contoh terbaik untuk 1Malaysia kerana di Sabah ada lebih 32 suku kaum, lebih 50 bahasa etnik dan subetnik yang mengamalkan toleransi cukup tinggi,” katanya ketika membahaskan usul agama dan pendidikan pada Perhimpunan Agung Umno 2012, di sini kelmarin.

Mohd Arifin juga berkata usaha mengekang fahaman pluralisme mahupun liberalisme yang cuba dikembangkan di negara ini mesti konsisten serta tegas dan tidak boleh seperti rentak tarian ‘poco-poco’.

“Orang yang menari poco-poco bila dia melangkah



**MOHD ARIFIN** pada perbahasan usul agama dan pendidikan pada hari terakhir sempena Perhimpunan Agung Umno 2012 kali ke-66 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) kelmarin. -  
*Gambar Bernama*

selangkah ke hadapan, dia akan berundur selangkah ke belakang, bila dia melangkah dua langkah ke hadapan, pasti selepas itu dia akan mengambil dua langkah ke belakang,” katanya menambah “langkah” itu tidak patut diikuti.

Beliau berkata kerajaan tidak boleh teragak-agak dalam menguatkuasakan undang-undang terhadap golongan yang cuba memeson dan menyesatkan akidah umat Islam di negara ini seperti mana yang

diambil terhadap Al-Arqam.

“Jika kita bertindak teragak-agak, mereka akan lebih berlagak pula,” katanya.

Sementara itu, Ketua Pemuda Umno Sungai Besar, Budiman Mohd Zohdi, berkata hasrat orang Melayu untuk mendapat pendidikan terbaik akan musnah jika pembangkang dibenar mentadbir negara ini, kata wakil Umno Selangor.

Beliau berkata kesimpulan itu dirumuskan berdasarkan situasi institusi pendidikan tinggi di negeri yang ditadbir pembangkang sekarang seperti Selangor.

Senario menyedihkan yang menimpa Universiti Industri Selangor (Unisel) yang dilapor kerugian RM54.8 juta bagi tempoh tiga tahun sejak 2008 apabila pakatan pembangkang memerintah Selangor, patut dijadikan tauladan, katanya ketika membahaskan usul agama dan pendidikan pada Perhimpunan Agung Umno 2012.

Katanya pelbagai janji indah pembangkang pada pilihan raya umum lepas seperti pendidikan percuma, peluang melanjutkan pengajian tinggi dan sebagainya sehingga kini tidak menjadi kenyataan.

“(Kalau benarlah ada pendidikan percuma) saya nak tanya Selangor kenapa tidak beri mahasiswa Unisel dan Kuis (Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor) pengajian percuma?” katanya.

Beliau selain Unisel, Institut Kemahiran Yayasan Selangor, tempat anak muda Melayu belajar akhirnya ditutup kerana tidak mendatangkan keuntungan. -Bernama